

Dukacita dgn kritik terhadap pesilat2

29 AUG 1981 *PENOMO SILAT*

SAYA merujuk surat yang ditulis oleh 'Harinah' (BH: 15 Ogos) mengenai penyertaan kumpulan-kumpulan silat Melayu dalam Pertunjukan Seni Mempertahankan Diri yang berlangsung di Gay World.

Penyertaan kami sebenarnya adalah diundang oleh Persatuan Instruktur-Instruktor Seni Mempertahankan Diri di bawah

naungan Persatuan Rak-yat Singapura.

Saya mendapat tahu bahawa banyak lagi badan seni silat Melayu turut diundang, tetapi entah mengapa mereka tidak 'berani' tampil untuk berdepan dengan kumpulan-kumpulan seni mempertahankan diri yang lain.

Penyertaan kami dalam pertunjukan itu bukanlah

kerana kami hendakkan nama atau pujian, dan jauh sekali dari niat hendak menunjukkan kehandalan, keberanian atau kekuatan.

Ia semata-mata bertujuan menunjukkan bahawa orang-orang Melayu di sini masih memelihara dengan baik seni mempertahankan diri, iaitu apa yang biasa dipanggil 'silat' atau 'pencak'.

Kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak yang menganjurkan pertunjukan itu kerana mereka sudi mengundang kami untuk turut menyertainya.

Tetapi sebaliknya, kami merasa sungguh kesal dan dukacita terhadap sikap 'Harinah' yang hanya tahu mencacat dan mencaci secara menu lu terhadap kegiatan-kegiatan kami dalam usaha menghidupkan seni silat Melayu.

'Harinah' mungkin tidak tahu akan penat lelahnya kami dalam mengadakan latihan untuk menjaga nama baik kami dan juga nama baik seni silat ini, yang secara tidak langsung adalah warisan nenek moyang kita bersama.

Maimunah Mohd Salleh,
Marsiling Drive (2573)

Sidek gesa disemai semangat cinta watan

PENOMO SILAT

SEMANGAT cintakan watan atau patriotisme hendaklah disemai dalam diri rakyat dan penyertaan mereka dalam perayaan-perayaan sambutan Hari Kebangsaan adalah merupakan taat setia mereka terhadap negara.

Semangat ini perlu ditanamkan dalam diri setiap rakyat kerana memandangkan segala petanda sekarang menunjukkan bahawa dunia ini terancam bila-bila masa saja. Ini dapat diam-bil dari pergeseran di Poland, Timur Tengah dan juga Afrika sekarang ini.

31 AUG 1981
Perkukuh Jalinan

Kegembiraan yang sedang dinikmati oleh rakyat negara ini hanya akan berterus seiringnya rakyat insaf akan pengertian kemerdekaan yang disambut.

Ini telah dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen (Kementerian Perdagangan dan Perusahaan merangkap Halehwal Masyarakat), Encik Sidek Saniff, ketika merasmikan pesta silat anjuran Persekutuan Silat Singapura di Dewan Badminton, Guillemard Road, malam kemarin.

Katanya: "Semangat kejiranan yang telah disemai sesama kita, juga dengan jiran tetangga di rantau ini, adalah salah satu fungsi yang boleh menjamin keadaan perterusan kemerdekaan ini."

Dan jalinan ini perlu diperkuuhkan lagi — sama ada antara sebuah negara dengan sebuah negara lain atau melalui badan-badan budaya dan sosial, seperti pembentukan Persekutuan Silat Antarabangsa (Pesilat) yang kini dianggotai oleh Singapura, Malaysia dan Indonesia.

Jalinan seperti ini menurutnya, dapat menjadi jambatan yang menghubungkan keharmonian semua kelompok manusia dalam negara-negara yang terlibat di samping menghidupkan warisan bangsa.

Seramai 65 orang pesilat tempatan mengambil bahagian dalam pertandingan dua malam yang berakhir malam tadi. Pesilat-pesilat dari Indonesia turut mengadakan demonstrasi dalam pesta itu.